

22/07/1997

Cadangan gabung badan tentang rasuah

KERAJAAN diminta menubuhkan Gabungan Kebangsaan Menentang Rasuah (NCAC) yang menggabungkan tenaga dari parti politik, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak lain yang prihatin terhadap gejala rasuah.

Ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997, Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, berkata isu rasuah menjadi agenda utama baru-baru ini selepas perang segenap penjuru dilancarkan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baru-baru ini, katanya, akhbar melaporkan mengenai senarai agensi kerajaan yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana rasuah berdasarkan penyelidikan yang dilakukan di antara 1990 dan 1994.

Daripada 3,558 kes yang disiasat dalam tempoh lima tahun itu, BPR mendapati polis mencatatkan jumlah kes paling tinggi iaitu 918, diikuti pihak berkuasa tempatan (446), pejabat tanah (367).

Kementerian dan jabatan yang turut disiasat ialah Kementerian Pendidikan (226), Jabatan Pengangkutan Jalan (196), Jabatan Kerja Raya (189), Jabatan Kastam dan Eksais (135), Jabatan Perhutanan (125), Kementerian Pertahanan (115) dan Kementerian Kesihatan (102).

Beliau percaya laporan yang dikemukakan kepada BPR itu hanya sebahagian kecil daripada kes yang sebenarnya berlaku.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan bersikap lebih serius dalam usaha menangani gejala rasuah.

(END)